

**MINIT MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
BILANGAN 3 TAHUN 2023
JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
(JKPTG)**

Tarikh	:	13 Disember 2023 (Rabu)
Masa	:	10.30 pagi
Tempat	:	Bilik Mesyuarat Seri Menanti Aras 4, Podium 1 Wisma Sumber Asli
Pengerusi	:	YBhg. Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Kehadiran	:	(seperti di Lampiran 1)

1. PERUTUSAN PENGERUSI

- 1.1. YBhg. Datuk Pengerusi memulakan mesyuarat dengan ucapan salam serta mengalu-alukan kehadiran semua ahli Majlis Bersama Jabatan (MBJ) ke Mesyuarat MBJ JKPTG Bilangan 3 Tahun 2023.
- 1.2. YBhg. Datuk Pengerusi merakamkan penghargaan terima kasih kepada mantan ahli-ahli MBJ JKPTG iaitu:
 - (i) Encik Khairil Muzaffar bin Abdul Majid, Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22 (TBK) daripada Unit Pembahagian Pusaka (UPP) Negeri Kedah yang telah bertukar ke Kementerian Pembangunan, Usahawan dan Koperasi mulai 6 November 2023; dan
 - (ii) Encik Cik Azman bin Che Azih, Pemandu Kenderaan Gred H11 daripada Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) bertukar ke Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kelantan mulai 18 Ogos 2023.

1.3. YBhg. Datuk Pengerusi menarik perhatian ahli mesyuarat kepada perkara-perkara berikut:

(i) **Penerapan Nilai dalam konsep Malaysia Madani**

- a) Penerapan dan pelaksanaan nilai dalam konsep Malaysia Madani menjadi antara usaha utama Kerajaan di mana YAB Perdana Menteri menegaskan beberapa perkara iaitu menghentikan amalan rasuah dalam pentadbiran kewangan, melaksanakan tindakan kerja dengan cepat dan keperluan mempunyai *sense of urgency* dalam pelaksanaan tugas kerja bagi memastikan negara dapat bersaing dan maju ke hadapan. Amalan suka menangguhkan kerja juga perlu dielakkan kerana memberi implikasi terhadap momentum kerja seseorang pegawai.
- b) Selain itu, YAB Perdana Menteri turut memberi penekanan kepada penghayatan budaya Madani melalui pembangunan insan berteraskan pengukuhan amalan nilai dan akhlak bagi meningkatkan prestasi kerja setiap anggota perkhidmatan awam.
- c) Seminar Pengurusan dan Pentadbiran Tanah dalam Konsep Malaysia Madani telah diadakan pada 29 November 2023 bertempat di Putrajaya International Convention Centre (PICC) yang bertujuan menerapkan nilai-nilai Malaysia Madani dalam pengurusan dan perkhidmatan yang dilaksanakan oleh JKPTG terutama dalam pengurusan tanah Persekutuan dan perkhidmatan pembahagian pusaka kepada rakyat.

- d) Dalam hal ini, JKPTG Negeri disarankan untuk mengadakan program penerapan nilai-nilai Malaysia Madani kepada warga JKPTG Negeri secara berjadual pada tahun 2024. Program berkenaan boleh diadakan dengan kerjasama INTAN atau JAKIM yang mempunyai penceramah bertauliah mengenai Malaysia Madani.

(ii) **Semangat Bersatu Hati JKPTG**

- a) Platform MBJ merupakan medium yang terbaik sebagai sesi perjumpaan dan perbincangan di antara Pihak Pengurusan dan Pihak Pekerja. Jabatan juga kerap menganjurkan program-program Jabatan dari semasa ke semasa yang memberi peluang Pihak Pengurusan untuk bertemu dengan warga JKPTG daripada pelbagai kumpulan skim perkhidmatan dan lapisan gred.
- b) YBhg. Datuk Pengerusi menyarankan warga Jabatan untuk mengambil peluang ini dalam menyampaikan sebarang isu dan permasalahan yang dihadapi secara terus kepada Pihak Pengurusan. Namun begitu, terdapat beberapa insiden yang melibatkan warga Jabatan menyalurkan perasaan ketidakpuashatian melalui medium yang tidak wajar antaranya surat layang, penyebaran berita yang tidak betul dalam *WhatsApp group*, budaya berpuak-puak tertentu di pejabat masing-masing. Ini membawa kepada persekitaran kerja yang tidak sihat dan merosakkan organisasi.
- c) Semua warga kerja JKPTG harus bersatu hati dan mewujudkan persekitaran kerja yang harmoni dan positif. Dalam hal ini, Pihak Pengurusan dan Pihak Pekerja hendaklah bekerja secara berpasukan dan bersama dalam melaksanakan sebarang kerja dan aktiviti jabatan.

(iii) **Pencapaian KPI Jabatan Tahun 2023**

- a) Pihak Pengurusan mengucapkan terima kasih kepada semua warga kerja JKPTG yang telah sama-sama berusaha melaksanakan kerja dan tugas yang ada hingga sasaran KPI JKPTG yang telah ditetapkan bagi tahun ini telah dapat dicapai dengan jayanya.

(iv) **Pencapaian Kehadiran Empat (4) Hari Berkursus Bagi Tempoh Setahun**

- a) Pihak Pengurusan juga mengucapkan terima kasih kepada semua warga kerja JKPTG yang telah mencatatkan pencapaian kehadiran empat (4) hari berkursus bagi tahun 2023 ini pada tahap 99.7%, sehingga 12 Disember 2023.
- b) YBhg. Datuk Pengerusi memohon BKP untuk menambah baik Pelan Operasi Latihan (POL) Jabatan bagi memastikan kursus/ latihan yang dihadiri oleh pegawai di Jabatan benar-benar memberi impak dalam bidang tugas masing-masing.

(v) **Pelantikan Pegawai MySTEP Bagi Tahun 2024**

- a) Pada bulan Februari 2024, JKPTG akan melantik 18 orang pegawai MySTEP untuk membantu tugas di pembahagian pusaka Ibu Pejabat dan Negeri. Pegawai MySTEP ini akan ditempatkan di kaunter perkhidmatan Unit Pembahagian Pusaka (UPP) untuk memberi perkhidmatan yang cekap kepada rakyat dan pelanggan JKPTG.

- b) Di samping itu, sejumlah 24 orang pegawai MySTEP akan ditempatkan di Bahagian dan Negeri untuk penyelarasan *task force* dan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam. Langkah penjimatan dalaman akan dilaksanakan oleh Jabatan supaya peruntukan boleh disalurkan untuk pembayaran gaji pegawai MySTEP ini.

(vi) **Pelantikan Pihak Pekerja MBJ Sesi 2024/2025**

- a) Wakil Pihak Pekerja MBJ JKPTG sesi 2022/2023 kini sampai ke penghujung penggalnya dan satu Persidangan Majlis Bersama Jabatan akan diadakan pada awal tahun hadapan bagi melantik wakil-wakil yang baharu.

2. PERUTUSAN NAIB Pengerusi

- 2.1. YBr. Naib Pengerusi memaklumkan tempoh Pihak Pekerja bagi sesi 2022/2023 akan berakhir dan sesi pemilihan Pihak Pekerja bagi sesi 2024/2025 akan diadakan pada awal tahun hadapan.
- 2.2. YBr. Naib Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Pihak Pengurusan di atas kerjasama dan kejayaan pihak MBJ dalam penyelesaian kebanyakan isu-isu berbangkit dan usul-usul yang dicadangkan.

3. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

Minit Mesyuarat MBJ Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan **Bilangan 2 Tahun 2023** yang diadakan pada **24 Ogos 2023** disahkan tanpa pindaan.

4. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

4.1 Menggunakan Aplikasi *WhatsApp* dalam Urusan Permohonan Pembahagian Pusaka

(Hal-Hal Lain: Mesyuarat MBJ Bil.1 Tahun 2022)

4.1.1 Aplikasi *WhatsApp* boleh dijadikan medium untuk menjawab pertanyaan dan maklum balas pelanggan yang tidak melanggar prosedur dan peraturan serta tidak mendedahkan maklumat yang sulit dan rahsia, contohnya:

- a) status permohonan pusaka;
- b) tatacara permohonan pusaka;
- c) pemakluman awal kepada waris tentang tarikh bicara sementara menunggu notis sampai pada pemohon;
- d) pemakluman berkenaan perintah telah siap dan boleh hadir ke pejabat pusaka untuk dapatkan perintah tersebut; dan
- e) status permohonan sewaan tanah.

4.1.2 Pengarah JKPTG Kedah memaklumkan akan berkongsi panduan pengendalian aplikasi *WhatsApp* menggunakan nombor telefon rasmi (*general line*) Jabatan sahaja tanpa memerlukan telefon bimbit khas;

4.1.3 Walau bagaimanapun sekiranya kaedah tersebut tidak dapat dilaksanakan, BPP boleh memohon untuk dibekalkan telefon bimbit khas; dan

4.1.4 YBhg. Datuk TKP SPO memohon agar semua warga Jabatan untuk berhati-hati dalam apa-apa jua urusan melibatkan penggunaan aplikasi *Whatsapp* sama ada urusan rasmi atau peribadi kerana insiden kes-kes yang melibatkan penipuan atau kejadian *scam* secara atas talian semakin meningkat.

Tindakan: JKPTG Negeri Kedah & BPP

4.2 Permohonan Membuat Tuntutan Pembelian Baju Kot Bagi Tugas Rasmi Perbicaraan

(Usul Pihak Pekerja: Mesyuarat MBJ Bil.3 Tahun 2022)

4.2.1 BKP telah mengemukakan maklumat tambahan berkaitan permohonan pembelian baju kot untuk tugas rasmi perbicaraan kes pengambilan tanah dan pembahagian pusaka bagi Pegawai Tadbir di JKPTG kepada Kementerian pada 9 Oktober 2023. Pihak Kementerian masih dalam tindakan semakan sebelum diperakukan Ketua Setiausaha dan seterusnya diangkat untuk kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Makluman

4.3 Permohonan Peruntukan Bagi Kerja-Kerja Pembaikan di JKPTG Negeri Sembilan

(Hal-Hal Lain: Mesyuarat MBJ Bil.3 Tahun 2022)

4.3.1 Kerja-kerja pembaikan kecil beberapa komponen dalam bilik bicara dan ruang menunggu pelanggan telah selesai dilaksanakan pada 21 Oktober 2023 dengan kos sebanyak RM9,400.00.

Makluman

4.4 Pertukaran Sasaran Kerja Tahunan (SKT) di Unit Pembahagian Pusaka (UPP) Disebabkan Masalah Sistem MyeTaPP

(Usul Pihak Pekerja: Mesyuarat MBJ Bil.2 Tahun 2023)

4.4.1 Penentuan SKT penyelesaian kes tahun semasa akan dimuktamadkan dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan MS ISO Bahagian Pembahagian Pusaka.

Makluman

4.5 Pemakaian Pendekatan Kaunseling/ Psikologi Dalam Pengurusan Sumber Manusia JKPTG

(Usul Pihak Pekerja: Mesyuarat MBJ Bil.2 Tahun 2023)

- 4.5.1 BKP telah menganjurkan Kursus Pemantapan AKRAB JKPTG pada 13 – 15 Oktober 2023 dan jumlah ahli AKRAB JKPTG adalah seramai 37 orang;
- 4.5.2 YBhg. Datuk memohon AKRAB JKPTG untuk menjadi lebih aktif dan membuat hebahan memperkenalkan ahli-ahli AKRAB termasuklah melalui portal JKPTG; dan
- 4.5.3 Pihak AKRAB boleh merancang dan melaksanakan program yang bersesuaian bersama warga JKPTG yang memerlukan bantuan kaunseling.

Makluman

4.6 Larangan Penggunaan Gajet Oleh Orang Awam Bagi Tujuan Rakaman di Premis Pejabat JKPTG

(Usul Pihak Pekerja: Mesyuarat MBJ Bil.2 Tahun 2023)

- 4.6.1 Kertas cadangan Garis Panduan Penetapan Zon Larangan Penggunaan Telefon Bimbit Dan Lain-Lain Alat Komunikasi di Kaunter JKPTG Atau Tempat Bicara telah dikemukakan melalui e-mel kepada BKP pada 16 November 2023 untuk pertimbangan dan kelulusan YBhg. Datuk KPTG; dan
- 4.6.2 BKP sedang memperhalusi kertas cadangan ini dan akan menyelaras spesifikasi percetakan notis larangan tersebut.

Tindakan: BKP

4.7 Permohonan Pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV) Bagi Premis Pejabat JKPTG

(Hal-Hal Lain: Mesyuarat MBJ Bil.2 Tahun 2023)

4.7.1 JKPTG Perlis akan memasukkan permohonan bagi pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) dalam Perancangan Perolehan Tahunan (PPT) Tahun 2025; dan

4.7.2 YBhg. Datuk Pengerusi memohon BKP untuk menyelaraskan permohonan peruntukan bagi pemasangan CCTV bagi semua pejabat JKPTG Negeri untuk dimasukkan dalam Perancangan Perolehan Tahunan (PPT) bagi tahun 2025.

Tindakan: BKP

4.8 Permohonan Kelonggaran Untuk Membeli Tiket Penerbangan Menggunakan Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA) bagi JKPTG Sarawak

(Hal-Hal Lain: Mesyuarat MBJ Bil.2 Tahun 2023)

4.8.1 JKPTG Sarawak memaklumkan buat masa ini, hanya pemandu kenderaan daripada JKPTG Sarawak sahaja yang pernah memohon pertimbangan daripada YBhg. Datuk KPTG; dan

4.8.2 BKP memaklumkan bahawa arahan bahawa semua pegawai/kakitangan Jabatan hendaklah membuat pembelian sendiri tiket penerbangan dengan memilih harga yang paling murah serta menjimatkan peruntukan kerajaan dan kemudiannya membuat tuntutan bayaran balik adalah sebagai langkah penjimatan yang dilaksanakan oleh Jabatan.

Makluman

4.9 Cadangan Pemakaian Batik Khas Jabatan

(Hal-Hal Lain: Mesyuarat MBJ Bil.2 Tahun 2023)

- 4.9.1 BKP telah membentangkan cadangan corak batik JKPTG dalam mesyuarat untuk pemilihan dan persetujuan oleh Pihak Pekerja;
- 4.9.2 Pihak Pekerja akan menyelaras pemilihan corak batik JKPTG yang dipersetujui dan mengemukakannya kepada BKP untuk tindakan selanjutnya; dan
- 4.9.3 Pihak Pekerja turut memohon bantuan peruntukan daripada Jabatan bagi pembelian kain bercorak batik tersebut. BKP memaklumkan kos bagi pembelian kain bercorak batik adalah tinggi dan sekiranya Jabatan berhasrat untuk memberi bantuan pengurangan kos kepada warga Jabatan ia boleh dibincangkan bersama-sama Kelab Kebajikan, Sosial dan Sukan (KEKASS) JKPTG.

Tindakan: Pihak Pekerja

5. PEMBENTANGAN USUL PIHAK PEKERJA

YBrs. Naib Pengerusi memaklumkan bahawa Pihak Pekerja telah bersidang pada **28 November 2023** dan telah sebulat suara mengemukakan usul seperti berikut untuk pertimbangan:

5.1. PENTADBIRAN

5.1.1. Penyelarasan Arahan Penutupan Kaunter Pejabat Untuk Urusan Rasmi Pada Waktu Rehat

- 5.1.1.1. Pihak Pekerja memohon untuk tiada lagi urusan kaunter pada jam 1.00 hingga 2.00 petang secara

rasmi untuk keseragaman semua JKPTG Negeri. Pada masa kini kebanyakan JKPTG Negeri ada yang tidak membuka kaunter pada waktu rehat tetapi masih terdapat JKPTG Negeri yang masih diarahkan untuk membuka kaunter pada waktu rehat antaranya di JKPTG WP Kuala Lumpur kerana tiada pengumuman secara rasmi mengenai hal tersebut; dan

- 5.1.1.2. BKP melalui e-mel bertarikh 18 Disember 2023 telah mengedarkan pemakluman mengenai kelulusan penutupan perkhidmatan kaunter JKPTG semasa waktu rehat tengah hari bermula 2 Januari 2024.

Makluman

5.1.2. Penyelarasan Sesi Fotografi Gambar Rasmi Bagi Warga JKPTG

- 5.1.2.1. Pihak Pekerja mencadangkan supaya diadakan sesi fotografi warga JKPTG Ibu pejabat khususnya untuk mengambil gambar berukuran passport secara bergilir bagi semua Bahagian di JKPTG Ibu Pejabat dan JKPTG Negeri bagi memastikan keseragaman format gambar dan konsep gambar untuk simpanan HRMIS, rekod pengurusan sumber manusia dan tujuan kegunaan rasmi Jabatan. Ini merupakan salah satu cara bagi meningkatkan imej korporat Jabatan, memperkasakan data terkini pegawai JKPTG bagi tujuan semua urusan rasmi Jabatan;
- 5.1.2.2. Hal ini berikutan masih terdapat gambar-gambar lama pegawai yang tidak dikemas kini melebihi 10 tahun ke atas yang masih diguna pakai dan tidak

relevan untuk pengecaman atau dipamerkan. Gambar hasil dari sesi fotografi tersebut juga boleh digunakan sebagai gambar di profil email, HRMIS, buku perkhidmatan atau lain-lain urusan. Contoh sebagai paparan untuk majlis-majlis seperti perhimpunan korporat, pegawai yang menyambut hari lahir bulanan, pertukaran keluar masuk pegawai, diletakkan di carta organisasi, Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) atau lain-lain kegunaan rasmi Jabatan;

- 5.1.2.3. BKP menyambut baik usul ini dan akan menyelaras sesi fotografi bagi gambar rasmi warga JKPTG Ibu Pejabat sahaja. Manakala bagi warga JKPTG Negeri pula, BKP akan mengedarkan panduan dan contoh spesifikasi gambar rasmi sebagai rujukan penyelarasan sesi fotografi di Negeri masing-masing;
- 5.1.2.4. Gambar rasmi tersebut juga akan dipaparkan dalam direktori portal Intranet Jabatan yang hanya boleh diakses oleh warga Jabatan sahaja; dan
- 5.1.2.5. YBhg. Datuk Pengerusi bersetuju penyelarasan sesi fotografi ini perlu diselesaikan **selewat-lewatnya pada 31 Januari 2024** dan gambar rasmi warga Jabatan akan mula dipaparkan dalam direktori portal Intranet Jabatan bermula bulan Februari 2024.

Tindakan: BKP, BPICT dan semua JKPTG Negeri

5.2. SUMBER MANUSIA

5.2.1. Permohonan Pewujudkan Jawatan Pegawai Khidmat Pelanggan di Unit Pembahagian Pusaka (UPP)

- 5.2.1.1. Pihak Pekerja mencadangkan untuk diwujudkan jawatan Pegawai Khidmat Pelanggan untuk urusan kaunter di Unit Pembahagian Pusaka (UPP) WP Kuala Lumpur;
- 5.2.1.2. YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan pewujudkan jawatan Pegawai Khidmat Pelanggan terkandung dalam keseluruhan cadangan penstrukturan Jabatan. Walau bagaimanapun, cadangan tersebut akan mengambil masa untuk dilaksanakan kerana bukan berada di dalam kawalan Jabatan serta melibatkan kelulusan JPA dan sebagainya; dan
- 5.2.1.3. Sehubungan itu sebagai langkah penyelesaian jangka masa pendek, Jabatan akan melantik 18 orang pegawai MySTEP untuk membantu tugas di pembahagian pusaka Ibu Pejabat dan Negeri. Pegawai MySTEP ini dijangka akan ditempatkan di kaunter perkhidmatan UPP mulai 1 Februari 2024.

Makluman

5.2.2. Permohonan Pewujudkan Jawatan Pembantu Tadbir (Kewangan) di Unit Pembahagian Pusaka (UPP) WP Kuala Lumpur

- 5.2.2.1. Pihak Pekerja mencadangkan untuk diwujudkan Pembantu Tadbir (Kewangan) untuk urusan kutipan hasil di UPP WP Kuala Lumpur;

- 5.2.2.2. BPP memaklumkan buat masa ini, semua kutipan hasil di semua UPP Negeri adalah diuruskan oleh Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) kerana tiada jawatan Pembantu Tadbir (Kewangan) di UPP Negeri;
- 5.2.2.3. Walau bagaimanapun berdasarkan perancangan apabila Sistem MyLand mula dilaksanakan, tiada keperluan untuk pewujudan jawatan Pembantu Tadbir (Kewangan) kerana semua pembayaran akan dilakukan secara atas talian; dan
- 5.2.2.4. YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan cadangan ini akan diteliti semula sekiranya terdapat keperluan setelah modul pembayaran fi bagi urusan pembahagian pusaka dalam Sistem MyLand mula dilaksanakan.

Makluman

5.2.3. Kursus Pengurusan dan Pemakaian Kenderaan Rasmi Jabatan Kepada Pemandu Jabatan

- 5.2.3.1. Pihak Pekerja mencadangkan supaya diadakan kursus pengurusan dan kaedah pemakaian kenderaan kepada pemandu dan pemandu gantian mengikut kepada spesifikasi kenderaan. Ini adalah berikutan kebanyakan pemandu tidak mengetahui kaedah pengendalian dan pengurusan kenderaan jenis pacuan empat roda (*four-wheel drive*, 4WD); dan

- 5.2.3.2. BKP menyambut baik usul ini dan akan turut memasukkan sesi latihan pengendalian kenderaan 4WD dalam kursus pengurusan kenderaan bersama pemandu Jabatan pada tahun 2024.

Makluman

5.2.4. Permohonan Pengisian Kekosongan Jawatan di JKPTG

- 5.2.4.1. Pihak Pekerja memohon pengisian segera bagi tiga (3) kekosongan jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N19 dan satu (1) kekosongan jawatan Penolong Pegawai Tanah Gred NT29 di JKPTG Negeri Selangor; dan
- 5.2.4.2. BKP memaklumkan telah mengemukakan permohonan pengisian kekosongan 58 jawatan di JKPTG kepada JPA pada bulan November 2023, termasuklah kekosongan jawatan di JKPTG Negeri Selangor. Pengisian kekosongan jawatan tersebut hanya boleh dilaksanakan setelah menerima kelulusan JPA.

Makluman

5.3. KEBAJIKAN

5.3.1. Cadangan Bacaan Surah Al-Kahfi dan Surah Yasin Pada Hari Jumaat

- 5.3.1.1. Pihak Pekerja mencadangkan Jabatan mengadakan bacaan Surah Al-Kahfi (ayat 1 - 10 & 100 - 110) dan Surah Yasin setiap pagi hari Jumaat atau sekurang-kurangnya dua (2) kali seminggu secara beramai-ramai di bilik mesyuarat atau mengadakan bacaan

surah Al kahfi (ayat 1 - 10 & 100 – 110) dan surah Yasin setiap pagi hari Jumaat melalui siar raya dan diketuai oleh seorang pembaca dan semua kakitangan hanya mengikuti bacaan di tempat masing-masing;

5.3.1.2. YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan cadangan bacaan surah melalui sistem siar raya di pejabat perlu mendapatkan kebenaran terlebih dahulu kerana sistem tersebut dikawal oleh pihak Kementerian; dan

5.3.1.3. YBhg. Datuk Pengerusi berpandangan cadangan tersebut lebih sesuai dilaksanakan secara bersemuka di pejabat. YBhg. Datuk TKP SPO turut bersetuju dan memaklumkan pelaksanaan program tersebut akan dianjurkan oleh KEKASS. JKPTG Negeri juga boleh turut serta dalam program ini secara atas talian.

Makluman

5.3.2. Hebahan Kuota dan Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Jabatan

5.3.2.1. Pihak Pekerja mencadangkan Pihak Pengurusan agar menghebahkan kuota dan senarai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi setiap Bahagian dan Negeri dan bukanlah dirahsiakan. Amalan hari ini adalah penerima APC seolah-olah seorang yang dikenakan tindakan tatatertib. Menerima APC adalah satu kebanggaan dan penghormatan bagi seorang kakitangan kerana mendapat pengiktirafan dan penghargaan daripada Jabatan. Oleh itu adalah wajar sekiranya senarai penerima APC dihebahkan untuk makluman semua. Amalan merahsiakan penerima APC adalah tidak telus dan boleh mendatangkan syak wasangka di kalangan kakitangan;

- 5.3.2.2. Berdasarkan **Ceraian UP.5.1.1 – Pemberian Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)** dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia, bilangan keseluruhan penerima PPC dan APC bagi setiap agensi tidak boleh melebihi 8 peratus daripada jumlah pegawai yang sedang berkhidmat pada 31 Disember tahun penilaian;
- 5.3.2.3. YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan Jabatan boleh menghebahkan kuota bagi penerima APC beserta penafian (*disclaimer*) bahawa bahawa kuota tersebut hanyalah sebagai panduan sahaja dan tertakluk pada faktor-faktor lain yang dipertimbangkan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia Jabatan antaranya jumlah perjawatan di setiap Bahagian atau Negeri; dan
- 5.3.2.4. Walau bagaimanapun, hebahan penerima APC pula hanya boleh diwar-warkan selepas Majlis Penganugerahan APC selesai dilaksanakan dan akan dimasukkan dalam portal JKPTG untuk makluman semua warga JKPTG.

Makluman

6. HAL – HAL LAIN

Pihak Pekerja menarik perhatian ahli-ahli mesyuarat mengenai perkara-perkara berikut :

6.1 Pelantikan Pemandu Gantian Di Kalangan Penolong Pengarah

- 6.1.1 Pihak Pekerja memohon Jabatan untuk mengkaji kesesuaian pelantikan pemandu gantian di kalangan Penolong Pengarah (PP). Kesesuaian pemandu gantian di kalangan PP ini sekiranya perlu hanya melibatkan tugas di sekitar kawasan Putrajaya sahaja kerana sekiranya di luar kawasan Putrajaya PP tersebut hendaklah turut sama terlibat sama atau hadir sama dalam program berkaitan. PP mempunyai tugas dan tanggungjawab yang lebih penting di pejabat berbanding tugas menjadi pemandu gantian yang akan mengambil masa yang lama dan boleh mengganggu momentum PP terlibat semasa beliau membuat kerja di pejabat;
- 6.1.2 BKP memaklumkan bahawa pelantikan pemandu gantian adalah atas cadangan Pengarah Bahagian dan Negeri masing-masing;
- 6.1.3 YBhg. Datuk Pengerusi bersetuju dengan usul daripada Pihak Pekerja dan mengarahkan pelaksanaan dasar Jabatan iaitu pemandu gantian tidak boleh dilantik dari kalangan PP. BKP dimohon untuk mengeluarkan surat pembatalan pelantikan sebagai pemandu gantian kepada pegawai-pegawai yang berkenaan; dan
- 6.1.4 Warga Jabatan juga boleh memohon bantuan dan khidmat pemandu gantian daripada Bahagian lain sekiranya tiada pemandu Jabatan yang tersedia.

Tindakan: BKP

6.2 Permohonan Semakan Kadar Elaun Tugas Kenderaan

- 6.2.1 Pihak Pekerja memaklumkan cadangan untuk membawa usul mengenai kadar tuntutan pemandu ganti berjumlah RM5.00 bagi tugas selama empat (4) jam. Pihak Pekerja akan menghantar permohonan semakan semula kadar ini kepada pihak MBJ JPA;
- 6.2.2 Berdasarkan semakan, pihak MBJ JPA tidak mengendalikan usul-usul dasar daripada agensi lain;
- 6.2.3 Buat masa ini, opsyen yang paling sesuai untuk membawa usul ini adalah dengan mengemukakan cadangan ini dalam Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang sedang dilaksanakan oleh JPA; dan
- 6.2.4 Sehubungan itu, Pihak Pekerja disarankan untuk membawa usul ini dalam kajian tersebut melalui pautan <https://semakansaraan.jpa.gov.my/>. Selain usul berkaitan elaun, Pihak Pekerja juga boleh mengemukakan cadangan-cadangan lain berdasarkan skop utama kajian.

Makluman

6.3 Pembekalan Pakaian Keselamatan Kepada Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah di JKPTG

- 6.3.1 Pihak Pekerja memohon maklum balas daripada Pihak Pengurusan kerana masih belum menerima sebarang pemakluman mengenai kelulusan pembekalan pakaian seragam dan kasut keselamatan bagi skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah di JKPTG;

- 6.3.2 Pihak BKP akan mengeluarkan surat edaran berhubung kelulusan pembekalan pakaian seragam dan kasut keselamatan bagi skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah di JKPTG pada semua JKPTG Negeri;
- 6.3.3 JKPTG Negeri boleh membuat perolehan sebanyak **dua (2) helai baju vest bagi setiap tempoh tiga (3) tahun perkhidmatan dengan kadar RM140.00 sehelai dan satu (1) pasang kasut keselamatan setahun dengan kadar RM250.00 sepasang. Bekalan Pakaian Seragam hendaklah dibuat SEBELUM AKHIR BULAN APRIL** setiap tahun seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia – Kemudahan Pakaian Dalam Perkhidmatan Awam; dan
- 6.3.4 Kaedah pembekalan pakaian seragam kepada skim Penolong Pegawai Tanah perlu dibuat berdasarkan reka bentuk dan spesifikasi vest dan kasut yang telah dipersetujui serta mematuhi tatacara kewangan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa dengan menggunakan peruntukan JKPTG Negeri masing-masing.

Makluman

6.4 Sistem Tempahan Bilik Mesyuarat Melalui Portal Intranet JKPTG

- 6.4.1 Pihak Pekerja memohon Jabatan untuk menambah baik sistem tempahan bilik mesyuarat dalam Portal Intranet JKPTG. Ini adalah kerana sistem sedia ada tidak memberi pemakluman sekiranya terdapat pertindihan tempahan bilik mesyuarat;
- 6.4.2 BPICT memaklumkan mempunyai perancangan untuk menambah baik sistem tempahan bilik mesyuarat sedia ada dan akan menyelaraskan cadangan ini bersama BKP selaku pihak

yang bertanggungjawab mengendalikan tempahan bilik mesyuarat; dan

- 6.4.3 YBhg. Datuk Pengerusi memohon BKP dan BPICT merujuk sistem sedia ada yang digunakan oleh Kementerian dan melaksanakan cadangan ini dalam masa terdekat.

Tindakan: BKP dan BPICT

6.5 Cadangan Pembinaan Bangunan Baharu Pejabat JKPTG Negeri Pihak

- 6.5.1 Wakil JKPTG Negeri Perak merakamkan penghargaan kepada Pihak Pengurusan di atas usaha memperoleh kelulusan bagi permohonan projek membina dan menyiapkan pembinaan bangunan kompleks baru JKPTG Negeri Perak.

Makluman

6.6 Pembekalan Buku Harian Rasmi dan Kalender Jabatan

- 6.6.1 Wakil JKPTG Negeri Terengganu merakamkan penghargaan kepada JKPTG Ibu Pejabat atas pembekalan buku harian rasmi dan kalender Jabatan kepada semua warga Jabatan.

Makluman

7. PENUTUP

- 7.1 YBhg. Datuk Pengerusi merakamkan penghargaan kepada semua ahli-ahli MBJ yang hadir ke mesyuarat dan mengucapkan selamat bercuti kepada semua ahli-ahli mesyuarat yang akan mengambil cuti hujung tahun serta memohon semua untuk berhati-hati dalam perjalanan; dan
- 7.2 Mesyuarat ditangguhkan jam petang 12.30 tengah hari dengan ucapan terima kasih daripada YBhg. Datuk Pengerusi.

Disediakan oleh:

**Urus Setia Mesyuarat MBJ JKPTG
Bahagian Khidmat Pengurusan
22 Disember 2023**

Disemak oleh:



.....
**Abd Rahim bin Abd Razak
Setiausaha Pihak Pegawai**



.....
**Nazatul Shima binti Ismail
Setiausaha Pihak Pekerja**

Lampiran 1

SENARAI KEHADIRAN

PIHAK PEGAWAI

1. YBhg. Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain
Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan **- Pengerusi**
2. YBrs. Tuan Abdul Aziz bin Mohd Johdi
Timbalan Ketua Pengarah
Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan
3. YBhg. Datuk Mohd Haniff bin Hassan
Timbalan Ketua Pengarah
Sektor Penyelarasan dan Operasi
4. Encik Muhammad Rosli bin Muhammad Ja'afar
Pengarah
Bahagian Pengambilan Tanah
5. Puan Tengku Rohana binti Tengku Nawawi
Pengarah
Bahagian Pengurusan ICT dan Pentadbiran Tanah
6. Encik Baharuddin bin Aziz
Pengarah
Bahagian Pembahagian Pusaka
7. Encik Lee Teck Chiang
Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan
8. Encik Anuar bin Isa
Pengarah
JKPTG Negeri Kedah
9. Encik Abd Rahim bin Abd Razak
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan **- Setiausaha**

PIHAK PEKERJA

1. Puan Yati binti Musa **- Naib Pengerusi**
Penolong Pengarah
Bahagian Dasar dan Konsultasi
2. Puan Salfaryna binti Mohd Soofi
Penolong Pengarah (Unit Petugas Khas)
JKPTG Negeri Selangor
3. Encik Mohd Asrol Adam bin Mohd Lotpi
Penolong Pengarah
JKPTG Negeri Kelantan
4. Encik Ahmad Kamal Arif bin Mohamad
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
JKPTG Negeri Sembilan
5. Encik Md Jafri bin Joalis
Penolong Pegawai Tanah
JKPTG Negeri Johor
6. Puan Dayang Zaleha binti Abang Jawi Mostapha
Penolong Pegawai Tanah
JKPTG Negeri Sarawak
7. Puan Syazana binti Aziz
Penolong Pegawai Tadbir
Unit Integriti
8. Puan Nor Fadhilah binti Dollah
Ketua Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
Bahagian Pembahagian Pusaka
9. Encik Nadzrul Shafizal binti Sirajuddin
Ketua Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
JKPTG Negeri Selangor
10. Puan Salmah binti Mohamad
Pelukis Pelan
JKPTG WP Kuala Lumpur
11. Puan Nazatul Shima binti Ismail **- Setiausaha**
Pembantu Tadbir (Kewangan)
Bahagian Khidmat Pengurusan
12. Encik Khairul Azhar bin Che Zakaria
Juruteknik Komputer
JKPTG Negeri Pulau Pinang

13. Puan Azelah bin Kamaludin
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
Bahagian Pengurusan ICT dan Pentadbiran Tanah
14. Puan Rabia'tul binti Mohamad
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
Unit Pembahagian Pusaka (UPP) Negeri Melaka
15. Encik Mohd Firdaus bin Azmi
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
JKPTG Negeri Pahang
16. Encik Hasan bin Ali
Penghantar Notis
Unit Pembahagian Pusaka (UPP) Negeri Perlis
17. Encik Suhaiful bin Mat Saad
Pembantu Operasi
Bahagian Khidmat Pengurusan
18. Encik Ahmad Shukree bin Taha
Penghantar Notis
Unit Pembahagian Pusaka (UPP) Negeri Terengganu
19. Encik Mohd Syahrin bin Adnan
Pembantu Awam
JKPTG Negeri Perak

TURUT HADIR

1. Puan Suraya binti Jemari
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan
2. Puan Nur Hazwani binti Hashim
Penolong Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan
3. Cik Izyan Aziza binti Ismail @ Aziz
Penolong Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan - **Urus Setia**
4. Puan Khairiahni binti Mokhtar
Ketua Pembantu Tadbir
Bahagian Khidmat Pengurusan - **Urus Setia**
5. Puan Wan Izyan bin Wan Yusof
Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)
Bahagian Khidmat Pengurusan - **Urus Setia**

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

PIHAK PEKERJA

1. Puan Site Rohani binti Hussin
Penolong Pegawai Tanah
JKPTG Sabah

Lampiran 2

PENKELASAN DAN STATUS PENYELESAIAN ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN DALAM MINIT MESYUARAT
 MBJ BIL. 3 TAHUN 2023 BAGI JKPTG

PERKARA BERBANGKIT						ISU BARU					
BIL	PERKARA	SELESAI	CATATAN	BELUM SELESAI	CATATAN	BIL	PERKARA	SELESAI	CATATAN	BELUM SELESAI	CATATAN
1.	KEWANGAN DAN KEMUDAHAN	-	-	-	-	1.	KEWANGAN DAN KEMUDAHAN	-	-	-	-
2.	PENTADBIRAN	2	<ul style="list-style-type: none"> Permohonan Peruntukan Bagi Kerja-Kerja Pembaikan di Bilik Bicara JKPTG Negeri Sembilan Permohonan Kelonggaran Untuk Membeli Tiket Penerbangan Menggunakan Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA) bagi JKPTG Sarawak 	3	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan Aplikasi <i>WhatsApp</i> dalam Urusan Permohonan Pembahagian Pusaka Larangan Penggunaan Gajet Oleh Orang Awam Bagi Tujuan Rakaman di Premis Pejabat JKPTG Permohonan Pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV) Bagi JKPTG Negeri 	2.	PENTADBIRAN	3	<ul style="list-style-type: none"> Penyelarasan Arahan Penutupan Kaunter Pejabat Untuk Urusan Rasmi Pada Waktu Rehat Pembekalan Pakaian Keselamatan Kepada Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah di JKPTG Cadangan Pembangunan Bangunan Baharu Pejabat JKPTG Perak 	3	<ul style="list-style-type: none"> Penyelarasan Sesi Fotografi Gambar Rasmi Bagi Warga JKPTG Pelantikan Pemandu Gantian Di Kalangan Penolong Pengarah Sistem Tempahan Bilik Mesyuarat Melalui Portal Intranet JKPTG
3.	SUMBER MANUSIA	2	<ul style="list-style-type: none"> Pertukaran Sasaran Kerja Tahunan (SKT) di Unit Pembahagian Pusaka (UPP) Disebabkan Masalah Sistem MyeTaPP Pemakaian Pendekatan Kaunseling/Psikologi Dalam Pengurusan 	-	-	3.	SUMBER MANUSIA	4	<ul style="list-style-type: none"> Permohonan Pewujudkan Jawatan Pegawai Khidmat Pelanggan di Unit Pembahagian Pusaka (UPP) Permohonan Pewujudkan Jawatan Pembantu Tadbir (Kewangan) di Unit Pembahagian 	-	-

Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Bil. 3 Tahun 2023
 Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan

PERKARA BERBANGKIT						ISU BARU					
BIL	PERKARA	SELESAI	CATATAN	BELUM SELESAI	CATATAN	BIL	PERKARA	SELESAI	CATATAN	BELUM SELESAI	CATATAN
			Sumber Manusia JKPTG						Pusaka (UPP) WP Kuala Lumpur <ul style="list-style-type: none"> Kursus Pengurusan dan Pemakaian Kenderaan Rasmi Jabatan Kepada Pemandu Jabatan Permohonan Pengisian Kekosongan Jawatan di JKPTG 		
4.	KEBAJIKAN	1	<ul style="list-style-type: none"> Permohonan Membuat Tuntutan Pembelian Baju Kot Bagi Tugas Rasmi Perbicaraan 	1	<ul style="list-style-type: none"> Cadangan Pemakaian Batik Khas Jabatan 	4.	KEBAJIKAN	3	<ul style="list-style-type: none"> Cadangan Bacaan Surah Al-Kahfi dan Surah Yasin Pada Hari Jumaat Hebahan Kuota dan Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Jabatan Pembekalan Buku Harian Rasmi dan Kalender Jabatan 	-	-
5.	INOVASI DAN PRODUKTIVITI	-	-	-	-	5.	INOVASI DAN PRODUKTIVITI	-	-	-	-
6.	LAIN-LAIN	-	-	-	-	6.	LAIN-LAIN	1	<ul style="list-style-type: none"> Permohonan Semakan Kadar Elaun Tugas Kenderaan 	-	-
JUMLAH ISU		5		4		JUMLAH ISU		11		3	